# Bajet Sejahterakan Seluruh Rakyat

kosmo
22/10/16
m/s 4

## Inti Pati Bajet 2017

### Perumahan



- **RM200 juta:** Bina 9,850 unit baharu dan siapkan 11,250 rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR)
- **RM710 juta:** Bina 30,000 unit di tanah-tanah kerajaan dan dijual pada harga RM150,000 hingga RM300,000 seunit
- **10,000** buah rumah dibina di kawasan bandar untuk disewakan kepada golongan belia di bawah nilai pasaran
- **RM200 juta:** Bina 5,000 unit Rumah Mesra Rakyat SPNB dengan subsidi RM20,000 seunit



- Memasukkan kemudahan pembiayaan telefon pintar sehingga **RM5,000** bagi setiap tiga tahun
- Kemudahan pinjaman pembelian motosikal dinaikkan sehingga **RM10,000**
- Melanjutkan kontrak perkhidmatan dan pegawai perkhidmatan selama setahun
- Bayaran khas **RM500** untuk semua penjawat awam dan **RM250** untuk pesara

### Jana Pendapatan

- **RM45 juta:** Perluas Program Mysuria untuk 1,600 kediaman
- **RM39 juta:** Perluas Program Mobilepreneur untuk 3,000 peserta
- **RM100 juta:** Pelaksanaan Program Agropreneur untuk 3,000 usahawan muda (RM100 juta)
- **RM100 juta:** Pertingkat program-program eUsahawan dan eRezeki untuk 300,000 peserta



### Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS)

- Bina empat Pusat Transformasi Bandar di Negeri Sembilan, Perlis, Pulau Pinang dan Selangor
- Bina tiga Pusat Transformasi Luar Bandar di Selangor, Sabah dan Sarawak
- Tambah empat buah bas untuk Pusat Transformasi Komuniti Bergerak bagi kawasan pedalaman



- **RM300 juta:** Menggantikan baucar buku dengan kad debit pelajar bernilai **RM250** untuk pembelian buku, alat tulis, peranti komputer dan akses internet

### Sukan



- **RM122 juta:** Membina dan menaik taraf Kompleks Belia dan Sukan, Kompleks Futsal 1Malaysia dan Kompleks Sukan Komuniti.
- **RM70 juta** bagi Program Pembangunan Podium Sukan Elit
- **RM54 juta** bagi Program Pembangunan Ahli Sukan termasuk Program Penyediaan Atlet dan Atlet Paralimpik

### Kesihatan

- **RM4.5 bilion:** Biayai operasi 340 Klinik 1Malaysia, Klinik Bergerak 1Malaysia (11), 959 Klinik Kesihatan dan lebih 1,800 Klinik Luar Bandar
- **RM20 juta:** Menyediakan pinjaman mudah



### ICT



- Menubuhkan Zon Digital Percuma pertama di dunia
- Pertingkat jalur lebar ethernet di universiti awam kepada maksimum 100Gbps
- **RM1 bilion:** Pertingkat liputan dan kualiti jalur lebar sehingga 20Mbps di seluruh negara

### Jaringan Keselamatan Sosial

- Bantuan keluarga miskin meliputi bantuan am sehingga **RM300** sebulan dan bantuan kanak-kanak sehingga **RM450** sebulan diteruskan
- **RM424 juta:** Bantuan sosioekonomi warga emas bernilai **RM300** dan pembukaan lapan Pusat Aktiviti Warga Emas baharu



- Bayaran pendahuluan menerusi BR1M dan rebat sehingga **RM4,000** untuk pembelian kereta Proton Iriz bagi B40 yang tidak memiliki kenderaan untuk menyediakan perkhidmatan perkongsian perjalanan seperti UBER

## Cukai




- Pelepasan cukai gaya hidup sehingga **RM2,500** untuk pembelian bahan bacaan, komputer, peralatan sukan, surat khabar, telefon pintar dan tablet, langganan internet dan yuran keahlian gimnasium
- Pelepasan cukai sehingga **RM1,000** kepada pembayar cukai individu yang menghantar anak berusia enam tahun ke bawah ke taman asuhan dan prasekolah berdaftar
- Penurunan kadar cukai korporat antara 1 hingga 4 peratus
- Pengurangan kadar cukai dari 19 peratus kepada 18 peratus untuk PKS bagi pendapatan bercukai sehingga **RM500,000** pertama

## Penjawat Awam

- Kelayakan pinjaman perumahan dinaikkan kepada antara **RM200,000** sehingga **RM750,000**
- Sebanyak 30,000 unit Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia dibina dan dijual antara **RM90,000** hingga ke **RM300,000** seunit

## Pemandu Teksi

- **RM60 juta:** Geran **RM5,000** untuk pembelian kenderaan baharu dan menawarkan permit teksi individu untuk 12,000 pemandu
- **RM60 juta:** Perkenal skim Perkeso untuk pemandu yang meraih pendapatan kurang daripada **RM3,000** sebulan

## Pendidikan



- **RM300 juta:** Meneruskan Rancangan Makanan Tambahan 1Malaysia kepada pelajar sekolah rendah
- **RM1.1 bilion:** Bantuan Bayaran Tambahan Persekolahan, Bantuan Buku Teks dan Bantuan Geran Per Kapita
- **RM350 juta:** Pemberian bantuan persekolahan **RM100** kepada setiap pelajar daripada keluarga berpendapatan di bawah **RM3,000**
- **RM30 juta:** Menyelaraskan pendidikan tahfiz melalui Dasar Pendidikan Tahfiz Negara.
- **RM107 juta:** Menyediakan Elaun Murid Khas bernilai **RM150** sebulan kepada 67,000 pelajar dan menggantikan bas untuk 21 sekolah pendidikan khas
- **RM4.3 bilion:** Meneruskan penyediaan biasiswa pendidikan tinggi

untuk hospital kebajikan bukan berasaskan keuntungan untuk pembelian peralatan



- **RM70 juta:** Bantuan perubatan kepada 10,000 pesakit kurang berkemampuan
- **RM40 juta:** Geran RM200,000 untuk pembelian peralatan di pusat-pusat hemodialisis baharu

## PKS

- **RM130 juta** di bawah Tabung Promosi Eksport Negara bagi progam galakan eksport kepada PKS tempatan oleh Matrade, MIDA dan SMECorp.
- Pembiayaan **RM200 juta** dan kemudahan kredit insurans dengan nilai perlindungan sehingga **RM1 bilion** akan disediakan oleh EXIM Bank kepada PKS
- Rebat kadar faedah dua peratus diberikan kepada peminjam Skim Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan
- **RM200 juta:** Menyediakan dana Skim Jaminan Modal Kerja kepada syarikat-syarikat permulaan



- Pelepasan GST kepada OKU berdaftar untuk membeli peralatan bantuan tanpa melalui entiti kebajikan swasta

## Pengangkutan Awam

- Pelaksanaan projek Laluan Rel Pantai Timur sepanjang 600 kilometer menghubungkan Lembah Klang ke Pantai Timur dengan anggaran kos RM55 bilion
- **RM100 juta:** Membaik pulih Landasan Kereta Api Pantai Timur Jajaran Gua Musang-Tumpat



## Skim Persaraan Swasta (PRS)

- **RM165 juta:** Menaikkan insentif PRS kepada **RM1,000** sekali bayar bagi pencarum dengan pelaburan minimum **RM1,000** selama dua tahun

## Luar Bandar

- **RM350 juta:** Membina dan membaik pulih 17,000 unit rumah usang dan daif di kampung terpencil dan penempatan Orang Asli